



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## **KENYATAAN MEDIA**

### **KERAJAAN NAIKTARAF FASILITI PA SERI PERAK UNTUK KEMUDAHAN RAKYAT**

**KUALA LUMPUR, 16 OKTOBER 2021** – YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob hari ini mengumumkan peruntukan sejumlah RM11.6 juta bagi pelaksanaan projek-projek baikpulih dan naiktaraf infrastruktur awam bagi memberi keselesaan kepada penduduk perumahan tersebut.

Dari jumlah keseluruhan peruntukan tersebut, Kerajaan melalui Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memperuntukkan sejumlah RM8.4 juta bagi pelaksanaan kerja-kerja pengantian 14 unit lif di 7 blok (2 lif bagi setiap blok) di PA Seri Perak. Tindakan pengantian ini dibuat setelah mengambil kira kaedah penyelenggaraan yang tidak efektif dan ekonomi kerana kos yang diperlukan sangat tinggi untuk membaiki kerosakan lif yang sudah uzur. Kerja-kerja pengantian lif ini bermula pada awal tahun 2022.

Sebagai tambahan, sebanyak RM1.8 juta peruntukan tambahan telah disediakan bagi pelaksanaan kerja-kerja menaiktaraf sistem pendawaian elektrik di PA Seri Perak dan sejumlah RM400,000.00 bagi kerja-kerja menaiktaraf Dataran Serbaguna seperti penggantian lantai, lampu-lampu dan infrastruktur riadah untuk menjadikannya lebih selesa dan selamat.

Di bawah pakej PEMERKASA, Kerajaan telah memperuntukkan RM1.0 juta bagi pelaksanaan projek-projek kecil yang melibatkan kerja-kerja pengantian taman permainan kanak-kanak, pengantian bumbung di Blok 31, pembaikpulih padang futsal, kerja-kerja pengantian longkang yang pecah, pembaikpulih parking motorsikal di kesemua blok dan pemasangan pagar *walkaway* di PA Seri Perak yang telah siap 80%.

Justeru, Kerajaan akan sentiasa memantau keperluan-keperluan rakyat dari semasa ke semasa bagi memastikan aspek kesejahteraan dan kebajikan rakyat sentiasa dijaga khususnya berkaitan isu penyelenggaraan fasiliti kemudahan awam di PPR dan PA dalam merealisasikan matlamat Keluarga Malaysia: Makmur, Inklusif, Mampan dicapai.

**Disediakan oleh:**  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Wilayah Persekutuan**  
**16 Oktober 2021**

**PROFIL PERUMAHAN AWAM SERI PERAK,  
BANDAR BARU SENTUL, WPKL**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>BUTIRAN</b>
1.	Tahun Mula Diduduki	<b>1 Mei 1986</b>
2.	Luas Kawasan	<b>20.8 Ekar</b>
3.	Lokasi	Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur
4.	Alamat Pejabat Kecil	Pejabat Kecil Perumahan Jabatan Pengurusan Perumahan Blok 39 Pa Seri Perak Bandar Baru Sentul, 52000 Kuala Lumpur
5.	Bilangan Blok	<b>7 Blok</b> ( 29, 31, 33, 35, 37, 39 Dan 41)
6.	Jumlah Tingkat	<b>17 Tingkat</b>
7.	Jumlah Unit Kediaman	1 Blok = 204 Unit 204 Unit X 7 Blok = <b>1428 Unit</b>
8.	Jumlah Penduduk	<b>7,140 orang</b>
9.	Jumlah Bilik Dan Bilik Air	2 Bilik Setiap Unit Dan 1 Bilik Air
10.	Kadar Sewa	Rumah - Rm 124.00 Kedai – Rm 330.00 – Rm 716.30 (bergantung pada jenis kedai dan perniagaan)
11.	Kemudahan Lif	2 unit lif setiap blok x 7 blok = <b>14 unit lif</b> (Fujitech)
12.	Kaunter Bayaran	Di buka setiap 1hb sehingga akhir bulan di pejabat zon seri perak
13.	Kemudahan Penduduk	Dewan orang ramai, surau, dataran, wakaf dan kerusi batu di taman, gelanggang futsal, persatuan penduduk, rukun tetangga, tadika MAWIP
14.	Spiral Waste Bin & Rumah Sampah Pukal	4 Buah Di Setiap Blok
15.	Kontraktor Perbersihan	JMB
16.	Kontraktor Spiral Waste Bin	Tiada

**KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN NAIK TARAF  
PERUMAHAN AWAM SERI PERAK, BANDAR BARU SENTUL, WPKL**

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>PERINCIAN</b>	<b>KOS (RM)</b>	<b>SUMBER PERUNTUKAN</b>
1.	<b>Penggantian lif di semua blok</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggantian 14 unit lif di 7 blok (2 unit lif di setiap blok)</li> </ul>	8,400,000.00	<b>Dewan Bandaraya Kuala Lumpur</b>
2.	<b>Menaik taraf sistem pendawaian elektrik</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerja menaik taraf sistem pendawaian elektrik (<i>wiring</i>)</li> </ul>	1,800,000.00	<b>Dewan Bandaraya Kuala Lumpur</b>
3.	<b>Menaik taraf Dataran Serbaguna</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggantian lantai</li> <li>• Penggantian lampu-lampu, infrastruktur riadah</li> </ul>	400,000.00	<b>Kementerian Wilayah Persekutuan</b> (Peruntukan Khas Wilayah Persekutuan Tahun 2021)
4.	<b>Menaik taraf kemudahan awam</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggantian taman permainan kanak-kanak</li> <li>• Penggantian bumbung di Blok 31</li> <li>• Baikpulih futsal</li> <li>• Baikpulih parking motorsikal (semua blok)</li> <li>• Penggantian longkang dan wakaf</li> </ul>	1,000,000.00	<b>Kementerian Kewangan Malaysia</b> di bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA)
<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>			<b>11,600,000.00</b>	